

Kerajaan belum sedia laksana gaji minimum

BH 23 JUN 2000
KUALA LUMPUR, Khamis
- Kerajaan masih belum bersedia untuk melaksanakan gaji minimum seperti dicadangkan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) untuk semua sektor pekerjaan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, jika ia dilaksanakan, bermakna kajian menyeluruh skim gaji termasuk untuk kakitangan perkhidmatan awam akan juga terpaksa dibuat.

Malah, katanya, pendirian itu juga dijelaskan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini.

"Tiada apa-apa keputusan yang dibuat waktu ini. Dasarnya sudahpun dijelaskan oleh Perdana Menteri dan tiada apa-apa perubahan. Walaupun Perdana Menteri sudah nyatakan kita bukan menentang, bukan menolak, ada banyak perkara lain yang perlu diberi perhatian.

"Kita tentu tidak mahu per-

mintaan mengadakan gaji minimum ini sebagai satu permintaan yang dilihat untuk menyemak semula gaji bagi semua orang yang bekerja dengan kerajaan dan swasta. Tentu banyak fakta yang perlu diambil kira," katanya selepas Persidangan Perkhidmatan Awam Kebangsaan di Bukit Kiara, dekat sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kemajuan isu itu. MTUC baru-baru ini mengemukakan cadangan kerajaan melaksanakan gaji minimum.